



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***ANALISIS PEMIKIRAN DALAM RETORIK PENULISAN HIKAYAT HANG
TUAH***

MUHAMMAD NUR AKMAL BIN ROSLI

FBMK 2022 9



ANALISIS PEMIKIRAN DALAM RETORIK PENULISAN *HIKAYAT HANG TUAH*

Oleh

MUHAMMAD NUR AKMAL BIN ROSLI

**Tesis ini dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah
Doktor Falsafah**

April 2022

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

ANALISIS PEMIKIRAN DALAM RETORIK PENULISAN *HIKAYAT HANG TUAH*

Oleh

MUHAMMAD NUR AKMAL BIN ROSLI

April 2022

Pengerusi : Rohaidah Kamaruddin, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti teknik retorik penulisan dan membincangkan kekerapan penggunaannya dalam *Hikayat Hang Tuah*. Kajian ini juga dilakukan untuk menjelaskan teknik retorik penulisan dalam *Hikayat Hang Tuah* berdasarkan Teori Retorik Moden (1993) oleh Enos dan Brown. Matlamat kajian yang seterusnya adalah untuk menganalisis pemikiran penulis dalam retorik penulisan *Hikayat Hang Tuah* yang menggambarkan budaya orang Melayu berlandaskan Model Teras Hati Budi Melayu oleh Hashim Musa (2008). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis teks terhadap keseluruhan bab dalam *Hikayat Hang Tuah*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa retorik pemerian merupakan teknik retorik yang paling dominan diterapkan dalam penulisan *Hikayat Hang Tuah*, manakala teknik retorik yang paling rendah ialah teknik retorik pendedahan. Seterusnya, dapatan kajian menjelaskan bahawa terdapat penerapan lima teknik retorik dalam penulisan *Hikayat Hang Tuah* iaitu teknik retorik pemerian, penceritaan, penghujahan, pemujukan dan pendedahan. Dapatan kajian yang ketiga merangkumi 26 teras hati budi Melayu yang menggambarkan budaya orang Melayu. Kajian ini turut mendapati bahawa penulis *Hikayat Hang Tuah* sangat kreatif dalam berkarya kerana bahasa yang digunakan sopan dan mudah difahami serta dapat menarik minat pembaca. Selain itu, penulis hikayat ini juga telah menerapkan budaya Melayu melalui pemikirannya yang digambarkan melalui penulisan *Hikayat Hang Tuah*. Akhir sekali, pemikiran penulis *Hikayat Hang Tuah* yang sangat bijak dan kritis dapat menghasilkan sebuah karya kreatif yang sangat berkualiti. Oleh itu, jelaslah bahawa penerapan retorik penulisan dan pemikiran tentang budaya Melayu sangat efisien dalam penghasilan *Hikayat Hang Tuah* serta menunjukkan bahawa penulis hikayat tersebut sangat arif dan kreatif dalam penulisannya. Beberapa cadangan telah dinyatakan dalam kajian

ini agar dapat menjadi sumber idea kepada pengkaji yang hendak meneruskan kajian dalam bidang yang sama.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

ANALYSIS OF THOUGHT IN THE RHETORIC WRITING OF *HIKAYAT HANG TUAH*

By

MUHAMMAD NUR AKMAL BIN ROSLI

April 2022

Chair : Rohaidah Kamaruddin, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study aims to identify the rhetorical writing technique and discuss the frequency of its usage in *Hikayat Hang Tuah*. This study also to explain the rhetorical techniques of writing in *Hikayat Hang Tuah* based on *Modern Rhetorical Technique* (1993) by Enos & Brown. The next aim of this research is to analyse the writer's thoughts on the rhetoric of writing *Hikayat Hang Tuah* that describes the Malay culture based on *Model Teras Hati Budi Melayu* by Hashim Musa (2008). This study used qualitative design through the method of textual analysis of the entire chapters in the *Hikayat Hang Tuah*. The findings show that descriptive rhetorical technique is the most dominant was applied in *Hikayat Hang Tuah*, while the lowest rhetorical technique is the exposition rhetorical technique. Next, the findings explain that there is the application of five rhetorical techniques in *Hikayat Hang Tuah*, namely the rhetorical techniques of descriptive, narrative, argumentation, persuasion and exposition. The third findings include 26 core Malay psyches that describe the Malay culture. This study also found that the author of *Hikayat Hang Tuah* is very creative in his work because the language used is polite and can be understood easily and able to attract readers' interest. Besides that, the author also applied Malay culture from his thoughts which has been described well in this writing. Lastly, the ingenious and critical thinking of *Hikayat Hang Tuah* writer has produced a very high-quality creative work. Therefore, it is clear that the application of writing rhetoric and thoughts about Malay culture are incredibly efficient in the making of *Hikayat Hang Tuah* and it also shows that the writer is very wise and creative in his writing. Several suggestions have been stated in this study in order to be a source of ideas for researchers who want to continue research in the same field.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya, kajian ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan berjaya menemui titik noktah akhirnya.

Pertama sekali, penghargaan ini ditujukan kepada kedua ibu bapa iaitu Zainab binti Md Diah dan Rosli bin Osman yang telah memberi sokongan yang tidak berbelah dan berterusan sehingga kajian ini dapat disiapkan dengan jayanya. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada adik beradik iaitu Muhamad Rohimin bin Rosli, Muhammad Nur Afii bin Rosli, Nurul Idayu binti Rosli dan Nurul Najwa Jannah binti Rosli yang memahami segala jerit payah pengkaji dalam mencari secangkir ilmu demi menggapai sebuah impian.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Rohaidah Kamaruddin selaku penyelia tesis dan Dr. Ida Baizura binti Bahar dan Dr. Muhammad Alif Redzuan bin Abdullah selaku ahli jawatankuasa penyeliaan tesis serta pensyarah-pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi kerana telah membimbing serta memberikan tunjuk ajar sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Segala pendapat, dorongan dan motivasi yang diberikan bukan sahaja memberikan impak yang positif terhadap kajian ini, malah dapat dijadikan sebagai panduan untuk masa depan. Di samping itu, sejuta penghargaan buat para sahabat yang sentiasa memberi kata-kata semangat bagi menyempurnakan kajian ini.

Akhir sekali, semoga segala usaha yang dilakukan dalam kajian ini dapat menyumbangkan sesuatu yang bermakna kepada dunia bahasa dan individu yang berkaitan. Sesungguhnya segala yang baik datangnya daripada Allah AWT dan segala keburukan adalah daripada kekurangan serta kelemahan pengkaji itu sendiri.

BERILMU BERBAKTI

Muhammad Nur Akmal bin Rosli
GS56308

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Rohaidah binti Kamaruddin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ida Baizura binti Bahar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Muhammad Alif Redzuan bin Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH BINTI MOHD SHARIFF, PHD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Ogos 2022

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama and No. Matrik: _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Prof. Madya Dr. Rohaidah binti Kamaruddin

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Ida Baizura binti Bahar

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Muhammad Alif Redzuan bin Abdullah

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB	
1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Perihal Hang Tuah	4
1.4 Pernyataan Masalah	5
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Persoalan Kajian	7
1.7 Batasan Kajian	8
1.8 Kepentingan Kajian	9
1.9 Definisi Operasional	11
1.10 Kesimpulan	12
2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Kajian Berkaitan Teoretikal	13
2.2.1 Kajian tentang Teori Retorik Moden	13
2.2.2 Kajian tentang Teras Hati Budi Melayu	16
2.3 Kajian Terdahulu atau Lampau	18
2.3.1 Kajian tentang Pemikiran	18
2.3.2 Kajian tentang Retorik	21
2.3.3 Kajian tentang Hikayat	25
2.4 Kesimpulan	27
3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	28
3.2 Reka Bentuk Kajian	28
3.3 Kerangka Teori	29
3.3.1 Teori Retorik Moden	29
3.3.2 Model Teras Hati Budi Melayu	34

3.4	Kaedah Kajian	37
3.4.1	Kaedah Analisis Teks	37
3.5	Bahan Kajian	37
3.6	Prosedur Kajian	38
3.7	Penganalisan Data	39
3.8	Pertimbangan Etika	39
3.9	Kerangka Reka Bentuk Kajian	40
3.10	Kesimpulan	41
4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	42
4.2	Objektif I: Mengenal pasti teknik retorik penulisan dan membincangkan kekerapan penggunaannya dalam Hikayat Hang Tuah.	42
4.3	Objektif II: Menjelaskan teknik retorik penulisan yang diterap dalam Hikayat Hang Tuah berdasarkan Teori Retorik Moden (1993).	49
4.3.1	Teknik Retorik Pemerian	50
4.3.1.1	Retorik Pemerian Sainifik	50
4.3.1.2	Retorik Pemerian Imaginatif	56
4.3.2	Teknik Retorik Penceritaan	62
4.3.2.1	Narator	63
4.3.2.2	Imbas Kembali	64
4.3.2.3	Situasi atau Peristiwa	66
4.3.2.4	Dialog	67
4.3.2.5	Monolog	70
4.3.2.6	Latar	71
4.3.2.7	Gabungan Teknik-teknik Penceritaan	74
4.3.3	Teknik Retorik Penghujahan	79
4.3.3.1	Retorik Penghujahan Induksi	80
4.3.3.2	Retorik Penghujahan Deduksi	86
4.3.4	Teknik Retorik Pemujukan	93
4.3.4.1	Retorik Pemujukan Rasional	93
4.3.4.2	Retorik Pemujukan Tidak Rasional	100
4.3.5	Teknik Retorik Pendedahan	108
4.4	Objektif III: Menganalisis pemikiran penulis dalam retorik penulisan Hikayat Hang Tuah yang menggambarkan budaya orang Melayu berlandaskan Teras Hati Budi Melayu oleh Hashim Musa (2008).	120
4.4.1	Hidup Berteraskan Agama Islam	121
4.4.2	Pendidikan Demi Membentuk Manusia Yang Berilmu, Beradab, Berbudi, Bertakwa dan Beramal	122

4.4.3	Nilai Kerja yang Mengutamakan Kesungguhan, Kecekan, Kerajinan dan Kerukunan bagi Manfaat Dunia dan Akhirat sehingga ke Anak Cucu	123
4.4.4	Taat dan Berkhidmat kepada Ibu Bapa serta Memuliakan Mereka	125
4.4.5	Setia kepada Ketua yang Adil dan Terpuji	126
4.4.6	Halus Budi Bahasa dan Budi Pekerti	128
4.4.7	Sentiasa Bermuafakat, Bertegang rasa, Tolong-menolong dan Mengutamakan Kebajikan Umum dan Hidup Bermasyarakat	129
4.4.8	Hormat dan Khidmat dalam Pergaulan dan dengan Tetamu	131
4.4.9	Sederhana Bukan Ekstremis dalam Tutur Kata dan Tingkah Laku, Hemat dan Cermat, Tidak Kasar, Keras, Militan dan Ganas	132
4.4.10	Prihatin tentang Harga Diri, Maruah yang Terjelma dalam Istilah “Menjaga Air Muka” dan “Rasa Malu yang Mendalam”	133
4.4.11	Tahu Tempat Letak Sesuatu dan Diri Setiap Orang dan Bertindak Sewajarnya	135
4.4.12.	Membela dan Mempertahankan Kebenaran dan Keadilan	136
4.4.13	Menanam Budi dan Membalas Budi	138
4.4.14	Sifat pemaaf dan pemurah	139
4.4.15	Sifat kasih sayang	140
4.4.16	Hidup Sederhana	142
4.4.17	Setia dan Rela Berkorban	143
4.4.18	Sikap Berdikari	144
4.4.19	Menghormati Hak dan Milik	145
4.4.20	Kejujuran dan Keikhlasan	147
4.4.21	Berbaik Sangka terhadap Sesama Makhluk	148
4.4.22	Sifat Keterbukaan, Tidak Menyimpan Rasa dan Curang	150
4.4.23	Sifat Amanah	151
4.4.24	Memanfaatkan waktu, Tidak Membuang Masa	153
4.4.25	Memandang Masa Depan	154
4.4.26	Mensyukuri Nikmat Allah	156
4.5	Kesimpulan	157

5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	159
5.2	Rumusan	159
5.3	Implikasi Kajian	160
5.4	Sumbangan Kajian	161
5.5	Kebaharuan atau Novelty	162
5.6	Cadangan	164
5.6.1	Menambah bilangan bahan kajian	164
5.6.2	Mengaplikasikan metodologi yang berbeza	165
5.6.3	Menganalisis data dari aspek yang berlainan	165
5.7	Penutup	165
	BIBLIOGRAFI	167
	LAMPIRAN	180
	BIODATA PELAJAR	323
	SENARAI PENERBITAN	324

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Kerangka Teori Retorik Moden	33
3.2	Kerangka Model Teras Hati Budi Melayu	36
3.3	Kerangka Reka Bentuk Kajian	40
5.1	Kerangka Teori Retorik Moden	163



SENARAI SINGKATAN

D	Dapatan
THBM	Teras Hati Budi Melayu



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab pertama akan menerangkan tentang kajian yang dilakukan oleh pengkaji iaitu berkaitan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendapat tentang definisi pemikiran telah diberikan oleh tokoh-tokoh dari dalam dan luar negara. Antaranya ialah Dewey (1910) yang menyatakan bahawa pemikiran adalah satu aktiviti mental dalam sesuatu proses untuk menyelesaikan masalah. Selain itu, pemikiran juga merupakan salah satu jenis kebolehan atau keupayaan yang menggambarkan kepelbagaian dalam kemahiran berfikir (Guilford, 1967). Manakala Wilen (1994) mendefinisikan pemikiran sebagai satu proses dalaman yang berlaku disebabkan oleh rangsangan luar yang diterima melalui deria manusia sama ada secara sedar ataupun tidak sehingga memperoleh data baharu yang akan ditafsir melalui cara pepadanan, perbandingan atau klasifikasi dengan maklumat yang sedia ada dalam ingatan. Terdapat juga tokoh-tokoh penyelidik dari dalam negara yang menyatakan pandangan mereka tentang pemikiran. Antaranya ialah Zainal Kling (1993) yang menyatakan bahawa pemikiran merujuk kepada kegiatan untuk membentuk sistem tanggapan sebagai rangka berfikir yang biasa bagi setiap anggota masyarakat. Seterusnya, pemikiran merupakan satu keadaan atau situasi yang mempamerkan pelbagai jenis gambaran yang memiliki konsep abstrak dan melalui perkaitan antara peringkat ini akan menjadi tumpuan serta perhatian (Asmah Haji Omar, 1986).

Menurut Asmah Haji Omar (1986) lagi, berdasarkan definisi yang dinyatakan oleh ahli-ahli psikologi terhadap pemikiran, maka ia dapat ditafsirkan sebagai suatu kegiatan yang berlaku dalam otak semasa berhadapan dengan sesuatu keadaan, perbuatan, dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, hasil daripada pemikiran itu adalah fikiran (Asmah Haji Omar, 1986). Konsep berfikir adalah satu cara untuk meningkatkan pengetahuan seseorang yang membolehkan mereka melakukan perubahan atau melaksanakan aktiviti yang bersifat kreatif bergantung kepada kemampuan dan cara berfikir seseorang (Mohd Yusof Othman, 1998). Menurut S. Othman Kelantan (1997), pemikiran ialah gagasan yang dibentuk oleh golongan intelektual berdasarkan kemampuan kritikal dalam minda bagi memikirkan sesuatu masalah dalam masyarakat lalu diluahkan sebagai sesuatu pendapat atau pemikiran. Pendapat yang dikemukakan oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2005) tentang pemikiran ialah pemikiran

dapat dilihat apabila pengarang mendedahkan dan menghubungkan pertalian antara sesuatu peristiwa atau situasi, sebab dan akibat yang wujud berdasarkan sesuatu peristiwa untuk memahami punca sesuatu kejadian sebelum berkongsi segalanya kepada pembaca. Idea tersebut bukan sahaja dimasukkan ke dalam penulisan sesebuah karya melalui cara penulisan yang kreatif sama ada menyatakan sesuatu isu atau perkara secara tersurat mahupun tersirat tetapi ia juga menunjukkan kebijaksanaan penulis untuk menyampaikan pemikirannya terhadap sesuatu perkara (Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2005).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), pemikiran merujuk kepada perihal berfikir untuk menyelesaikan masalah dengan menggunakan daya imajinasi. Manakala Ezzah' Afifah Nasrudin dan Che Ibrahim Salleh (2015) menyatakan bahawa pemikiran boleh disifatkan sebagai kepelbagaian persepsi dan proses menyusun idea-idea secara sistematik, menghubungkan sesuatu dan merumuskan sesuatu hal. Oleh hal yang demikian, pemikiran boleh didefinisikan sebagai proses mental atau berfikir tentang sesuatu perkara sama ada untuk menyuarakan pendapat, mengemukakan idea atau menyelesaikan masalah. Melalui pemikiran, manusia dapat memahami sesuatu hal, mentafsir sesuatu perkara, mencipta atau membentuk sesuatu perancangan dan meramal sesuatu peristiwa serta mencapai sesuatu matlamat yang diingini. Sikap, pemikiran dan tingkah laku mempunyai hubungan yang kuat (Ravi Nagarathanam, 2015). Hamsiah Juki (2018) turut menyatakan bahawa pemikiran mempunyai kaitan dengan tingkah laku manusia dalam membentuk dan melahirkan individu yang memiliki keperibadian yang baik. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pemikiran merupakan dasar kepada tingkah laku dan mempunyai kaitan yang rapat dengan perhubungan serta pemahaman manusia terhadap kesan pemikiran secara fizikal dan metafizik yang sangat memainkan peranan penting dalam bidang ilmu sama ada bidang sains ataupun sastera.

Seterusnya, pengkaji ingin menjelaskan tentang retorik secara sepintas lalu. Istilah retorik berasal daripada perkataan Greek iaitu *tenhne rhetorike* yang membawa maksud *art of speech* dalam bahasa Inggeris, manakala dalam bahasa Melayu bermaksud seni berpidato. Retorik adalah satu seni pemakaian bahasa yang menarik dan estetik bagi memujuk, mempengaruhi serta menarik perhatian pembaca atau pendengar. Dalam bidang penulisan, retorik digunakan sebagai salah satu teknik penulisan yang berkesan untuk menghasilkan satu karya yang kreatif dan berkualiti. Di samping itu, retorik juga digunakan bagi menambahkan keindahan terhadap jalan cerita dan idea yang hendak ditonjolkan dalam sesebuah penulisan sama ada cerpen, puisi, novel, hikayat dan sebagainya. Teknik retorik perlu diterapkan dalam penulisan bagi menerangkan tentang sesuatu idea atau buah fikiran penulis terhadap sesuatu perkara. Hal ini menunjukkan bahawa pentingnya bagi penulis untuk menguasai bidang retorik kerana ia turut membantu penulis dalam meraih perhatian pembaca terhadap hal yang hendak disampaikan. Kemahiran penulis dalam mengaplikasikan teknik retorik dalam penulisan dapat mengukuhkan lagi sesuatu pernyataan bagi mempertahankan hujah-hujah yang cuba diutarakan dan juga memujuk pembaca agar menyokong setiap perkara yang dinyatakan. Oleh itu, tidak hairanlah jika penulis memasukkan unsur retorik dalam

penulisannya kerana hal ini memberikan banyak manfaat yang boleh diterapkan dalam penghasilan karya yang tidak hambar, segar dan bermutu.

Menurut Enos dan Brown (1993), retorik bertujuan untuk menghasilkan sebuah karya yang berkualiti bergantung kepada cara penulis menyampaikan idea dan pemikiran serta pengamatan melalui penggunaan bahasa yang mudah, jelas dan berkesan serta digemari pembaca. Penulis yang mahir mengaplikasikan unsur retorik dalam penulisannya dapat menghasilkan sebuah karya yang berkualiti dan kukuh dari segi wacana serta mampu meyakinkan pembaca tentang isu yang diketengahkan (Lanham 1991). Pendapat tentang bidang retorik juga dibincangkan oleh tokoh-tokoh pengkaji dari dalam negara, antaranya Asmah Haji Omar (1984) menyatakan bahawa retorik merujuk kepada penggunaan ciri bahasa yang berkesan. Manakala Raminah Sabran (2002a) berpendapat bahawa penulis menggunakan medium retorik sebagai salah satu cara untuk menyampaikan idea kepada pembaca dengan berkesan. Pendapat daripada dua orang tokoh pengkaji tersebut menunjukkan bahawa jika teknik penyampaian yang digunakan tidak berkesan akan menyebabkan kegagalan seseorang untuk memindahkan idea yang dimiliki kepada khalayak. Oleh itu, retorik merangkumi keterampilan dan kemahiran seseorang untuk mengemukakan idea atau gagasan sama ada dalam bidang pengucapan mahupun penulisan (Awang Sariyan, 2006).

Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa teknik retorik yang sering diterapkan bukan sahaja dalam penulisan sesebuah karya, malah teknik ini juga digunakan untuk menyampaikan sesuatu idea atau pandangan kepada khalayak sasaran (Asmah Haji Omar, 1984). Antara teknik retorik yang sering digunakan ialah teknik retorik pemerian, penceritaan, penghujahan, pemujukan dan pendedahan. Retorik pemerian digunakan oleh penulis untuk menghuraikan sesuatu idea bagi memberikan fakta dan informasi yang lengkap kepada pembaca. Teknik penceritaan pula berfungsi sebagai salah satu cara untuk menyampaikan jalan cerita dengan lebih menarik dan berkesan serta membantu pembaca untuk memahami sesuatu jalan cerita dengan baik. Retorik penghujahan adalah teknik yang diaplikasikan dalam penulisan bagi memperlihatkan kebenaran terhadap pendapat yang dikemukakan sama ada menyokong, menentang atau berkecuali. Manakala retorik pemujukan melibatkan penggunaan bahasa yang bersifat memujuk bagi menarik perhatian dan minat serta mempengaruhi pemikiran dan keyakinan seseorang terhadap sesuatu perkara. Akhir sekali, retorik pendedahan merangkumi penggunaan bahasa yang sesuai bagi mendedahkan, menyingkap, menampakkan, menunjukkan atau memaparkan sesuatu maklumat dengan jelas dan terperinci.

Hikayat pula merupakan salah satu komponen dalam kesusasteraan Melayu tradisional sebagai sebuah karya kreatif. Perkataan hikayat berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud cerita atau bercerita. Terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa hikayat merujuk kepada bentuk cerita yang bersifat naratif. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), hikayat merupakan cerita-cerita lama yang disampaikan dalam bentuk prosa yang mengisahkan sesuatu perkara atau peristiwa sama ada dihikayatkan atau orang yang empunya

hikayat. Kebiasaannya, hikayat mengandungi cerita-cerita yang disampaikan secara panjang lebar tentang seseorang tokoh atau peristiwa-peristiwa penting yang pernah berlaku. Misalnya *Hikayat Hang Tuah* yang menceritakan tentang ketokohan pahlawan Melayu yang sangat popular sejak dahulu sehingga sekarang. *Hikayat Hang Tuah* juga merupakan sebuah karya kreatif yang berbentuk naratif epik tentang keagungan bangsa Melayu yang dijadikan sebagai contoh dan teladan kepada masyarakat khususnya masyarakat Melayu sepanjang zaman. *Hikayat Hang Tuah* telah ditulis dalam bentuk prosa yang merupakan salah satu karya Melayu klasik yang terpanjang iaitu sebanyak 491 halaman. Menurut Hashim Musa dan Rohaidah Kamaruddin (2015), karya ini adalah versi transliterasi huruf jawi kepada huruf rumi yang telah diterima oleh UNESCO's Memory of the World Programme International Register pada tahun 2001 sebagai salah satu sejarah warisan dunia.

1.3 Perihal Hang Tuah

Watak Hang Tuah sememangnya menjadi watak utama yang tercatat dengan megah dalam *Hikayat Hang Tuah*. Menurut Hashim Musa dan Rohaidah Kamaruddin (2015), Hang Tuah merupakan seorang manusia yang hebat atau digambarkan sebagai *superman* kerana memiliki kehebatan yang sangat luar biasa. Hang Tuah dan empat lagi sahabatnya iaitu Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu ialah nama yang sangat masyhur dalam kalangan orang Melayu sehingga detik ini. Pelbagai versi cerita yang didengar secara berulang kali tanpa rasa jemu dari zaman ke zaman dalam pelbagai bentuk seperti cerita lisan, teater bangsawan, drama dan filem. Lakaran watak Hang Tuah sebagai pahlawan Melayu yang gagah, berani, bijak dan sangat patuh kepada pemerintah. Namun begitu, *Hikayat Hang Tuah* ini mengetengahkan aspek kesetiaan dan ketaatan bangsa Melayu yang digambarkan dalam perwatakan Hang Tuah.

Hang Tuah juga melambangkan pemikiran bangsa Melayu. Hang Tuah merupakan seorang yang merendah diri dan sangat bersopan santun. Beliau juga dapat bertutur dengan fasih dalam pelbagai bahasa mengikut negeri atau kawasan yang pernah dikunjunginya. Hang Tuah juga menguasai bahasa yang dituturkan di pasar dagangan Melaka yang sering disinggah oleh pedagang dari serata dunia walaupun bahasa utama ialah bahasa Melayu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Hang Tuah merupakan seorang yang bijaksana. Antara perwatakan Hang Tuah yang lain seperti yang jelas tergambar dalam *Hikayat Hang Tuah* ialah beliau seorang pahlawan Melayu yang hebat bukan sahaja di dalam negeri Melaka malah terkenal ke seluruh pelosok dunia. Di samping itu, Hang Tuah juga terkenal dengan sifat keberanian, kebaktian, kesetiaan dan prinsip pantang derhaka terutamanya kepada raja.

1.4 Pernyataan Masalah

Menurut Abu Hassan, Ghazali Din, Wahibah Twahir dan Mohd. Sidik Ariffin (2016), Penceritaan tentang kisah atau riwayat hidup manusia sudah wujud sejak sekian lama seperti kisah Nabi Adam dan Hawa, The Old Testament yang juga menceritakan tentang riwayat kisah hidup nabi-nabi dan Parallel Lives oleh Plutarch yang memberi idea kepada Shakespeare untuk menghasilkan Timon of Athens. Namun begitu, kajian tentang penulisan riwayat hidup manusia ini lebih memfokuskan aspek politik, pendidikan, sosiobudaya, sejarah, ketokohan dan idealisme penulis, manakala dari sudut retorik pula terlihat masih kurang kajian tentang riwayat hidup manusia bukan sahaja di Malaysia, malah di negara-negara lain di Nusantara (Abu Hassan, Ghazali Din, Wahibah Twahir & Mohd. Sidik Ariffin, 2016). Seorang penulis perlu mahir dan kreatif dalam menghasilkan sesuatu penulisan berkaitan dengan riwayat hidup manusia. Penerapan bidang retorik dalam penulisan terhadap riwayat hidup manusia memainkan peranan yang sangat penting bagi menambah keindahan pada setiap ayat yang dibina bagi menyampaikan sesuatu perkara. Menurut Asrul Azuan Mat Dehan (2016), penggunaan retorik merupakan salah satu aspek yang dapat menarik perhatian pembaca. Tambahan pula, penerapan teknik retorik dalam penulisan kreatif merupakan faktor yang harus dititikberatkan oleh pengarang bagi menjelaskan idea dan mempengaruhi pemikiran pembaca (Asrul Azuan Mat Dehan & Hajah Nor Azuwan Yaakob, 2015). Permasalahan yang timbul ialah sesuatu penulisan tidak dapat menyampaikan idea atau maklumat secara berkesan tanpa retorik, khasnya penulisan kreatif seperti hikayat yang ditulis dengan panjang lebar. Oleh itu, kajian yang bakal dilaksanakan akan memfokuskan aspek retorik yang terdapat dalam Hikayat Hang Tuah bagi memudahkan pemahaman khalayak terhadap isi kandungan hikayat tersebut.

Kajian Asrulazuan Mat Dehan, Nor Azuwan Yaakob dan Nik Fazrul Azri Nik Azis (2017) menunjukkan bahawa retorik penting dalam mendukung sesuatu fungsi bahasa kerana tanpa retorik, idea tidak dapat disampaikan dengan lebih berkesan. Penulisan atau percakapan tidak boleh disampaikan dalam teks berbentuk literal semata-mata. Perkara ini turut disokong oleh Siti Nor Atikah Salleh, Nurfarhana Shahira Rosly, Nabillah Bolhassan dan Asrul Azuan Mat Dehan (2016) iaitu penulis hendaklah menyampaikan sesuatu maklumat dengan menggunakan laras bahasa yang betul agar maklumat tersebut jelas dan mudah difahami bagi mengelakkan kesalahfahaman antara penutur dengan penerima. Menurut Nurulain Abdul Razak, Che Ibrahim Salleh dan Hashim Musa (2016) pula, retorik memberikan kesan mendalam terhadap ujaran atau penulisan, di samping penggunaan gaya bahasa yang indah dan berseni bagi menarik minat serta perhatian pendengar. Ketiadaan penggunaan unsur retorik dalam sesebuah penulisan akan memperlihatkan idea, hujah atau fakta yang ditampilkan berbentuk mendatar sehingga menyebabkan sesuatu karya itu menjadi hambar. Sehubungan dengan itu, bidang retorik wajar diaplikasikan dalam penulisan karya kreatif bagi menarik minat pembaca terhadap idea yang ingin disampaikan dengan tujuan untuk memberitahu, memujuk, mempengaruhi dan menyedarkan masyarakat tentang senario yang berlaku dalam kehidupan. Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan tentang teknik retorik yang digunakan dalam penulisan *Hikayat Hang Tuah* dan secara tidak langsung akan

membuktikan betapa pentingnya bidang retorik untuk dipelajari oleh pelajar sekolah mahupun di institut pengajian tinggi. Kajian ini diharapkan dapat membantu untuk menarik minat pembaca atau penutur bagi membina pemahaman mereka terhadap aspek gaya retorik lantas menggunakannya dalam menghasilkan penulisan atau pengucapan yang menarik dan berkualiti. Pada masa yang sama dapat memperkenalkan aspek kajian bahasa yang memberikan perspektif baharu tentang cabang ilmu bahasa Melayu kepada pembaca.

Menurut Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod dan Nor Azwa Hanum Nor Shaid (2016), penulisan merupakan salah satu cara penting untuk berkomunikasi bagi meluahkan perasaan seperti harapan, impian, kegembiraan, ketakutan, kemarahan dan juga untuk mengemukakan idea. Perkara yang sama turut dinyatakan oleh Nor Hafidah Ibrahim, Melor Fauzita Md. Yusoff dan Rohaya Md. Ali (2018) iaitu retorik merupakan aspek penting yang harus dikuasai oleh penulis sesebuah karya bagi memanifestasikan idea, maklumat dan mesej serta membantu penulis menghasilkan karya yang dapat memberikan sumbangan kepada perkembangan bangsa, agama dan negara. Retorik bukan sahaja dapat diaplikasikan bagi tujuan menarik minat pendengar, malah retorik juga dapat membezakan identiti dan cara seseorang dalam menyampaikan sesuatu ucapan (Dwi Sulistiyani & Mukaromah, 2017). Hal ini menggambarkan tentang penguasaan bahasa oleh seseorang adalah sangat penting bagi menyampaikan idea dan pandangan serta perasaan supaya mudah untuk difahami. Permasalahan yang kerap kali muncul ialah kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar. Pada masa ini, kemahiran berbahasa merupakan isu yang penting kerana terdapat sebilangan pelajar sejak sekolah rendah lagi tidak menguasai kemahiran berbahasa, manakala pelajar sekolah menengah pula kerap melakukan kesalahan bahasa dalam penulisan dan aktiviti lisan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa aspek-aspek penulisan penting dalam menghasilkan sesuatu karya terutamanya karya kreatif yang lebih cenderung menggunakan bahasa-bahasa yang indah, berbunga dan ditulis secara panjang lebar. Oleh itu, kajian retorik dalam bidang penulisan sangat memainkan peranan penting dan merupakan salah satu cara untuk meningkatkan kualiti penulisan karya kreatif.

Mohamad Rashidi Pakri dan Elizabeth Joanny Openg (2019), dalam kajiannya menyatakan bahawa karya kolonial yang bertajuk *Orientalism* oleh Edward Said yang diterbitkan pada 1979 telah membahagikan dunia kepada dua bahagian, iaitu *occident* (penjajah) dan *orient* (masyarakat tempatan), di samping menganggap masyarakat dan budaya tempatan sebagai asing dan mundur. Dalam buku tersebut, Edward Said telah menjelaskan konsep teori orientalisme sebagai satu pemikiran masyarakat Timur yang sering dipelopori oleh pemikiran Barat dalam penulisan yang dikatakan mundur dan tidak bertamadun kerana perbezaan cara hidup dengan masyarakat Barat. Selain itu, orang Melayu dianggap sebagai tidak menarik dan di mamah usia serta menganggap budaya bersalam itu adalah sesuatu yang kotor. Selain itu, dalam kajian Mohamad Rashidi Pakri dan Elizabeth Joanny Openg (2019) juga menyebut bahawa kenyataan yang dibuat oleh Bird dalam bukunya iaitu *The Golden Chersonese and The Way Thither* yang diterbitkan pada tahun 2010 ternyata tidak mengambil

kira akan kepentingan Melaka sebagai permulaan tamadun Melayu dan menyatakan Melaka sebagai lemah. Mohamed Khaled Nordin (2016) menyatakan bahawa pemikiran, sikap dan budaya orang Melayu tidak kompetitif dan suka meminta-minta menyebabkan orang Melayu tidak maju sejak dahulu lagi. Nor Atira (2015) menyatakan bahawa kedatangan Islam telah mengubah Bahasa dan kesusasteraan Melayu setelah diperkenalkan tulisan Jawi yang digunakan dalam menulis kitab-kitab agama, hikayat-hikayat dan undang-undang serta digunakan dalam sistem pemerintahan. Selain itu, budaya orang Melayu juga dikatakan telah berubah daripada pengaruh Hindu kepada pengaruh Islam termasuklah sosial, politik dan ekonomi, namun adat resam nenek moyang yang tidak bertentangan dengan agama Islam masih diamalkan. Permasalahan yang timbul ialah prasangka buruk terhadap masyarakat dan budaya Melayu berada pada tahap yang sangat kritikal kerana ia melibatkan maruah bangsa yang perlu dipelihara. Bertitik tolak daripada pernyataan-pernyataan ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak lompong kajian berkaitan pemikiran yang menggambarkan budaya Melayu dan pengkaji turut merasakan perlu ada satu kajian yang khusus untuk memartabatkan semula bangsa Melayu. Oleh itu, pengkaji memilih untuk melakukan kajian yang akan memfokuskan kepada teknik retorik penulisan yang diterapkan dalam *Hikayat Hang Tuah* dan menganalisis pemikiran penulis *Hikayat Hang Tuah* yang menggambarkan sifat-sifat atau budaya orang Melayu sejak dahulu sehingga kini sebagai salah satu usaha untuk mempertahankan kedaulatan bangsa Melayu di mata dunia.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian yang hendak dicapai dalam kajian ini adalah:

- i. Untuk mengenal pasti teknik retorik penulisan dan membincangkan kekerapan penggunaannya dalam *Hikayat Hang Tuah*.
- ii. Untuk menjelaskan teknik retorik penulisan dalam *Hikayat Hang Tuah* berdasarkan Teori Retorik Moden (1993) oleh Enos & Brown.
- iii. Untuk menganalisis pemikiran penulis dalam retorik penulisan *Hikayat Hang Tuah* yang menggambarkan budaya orang Melayu berlandaskan Teras Hati Budi Melayu oleh Hashim Musa (2008).

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang timbul adalah seperti berikut, iaitu:

- i. Apakah teknik retorik penulisan dan berapakah kekerapan penggunaannya dalam *Hikayat Hang Tuah*?
- ii. Adakah teknik retorik penulisan diterapkan dalam *Hikayat Hang Tuah* berdasarkan Teori Retorik Moden (1993) oleh Enos & Brown?
- iii. Sejauh manakah pemikiran penulis dalam retorik penulisan *Hikayat Hang Tuah* yang menggambarkan budaya orang Melayu berlandaskan Teras Hati Budi Melayu oleh Hashim Musa (2008)?

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dilakukan terhadap sebuah buku hikayat Melayu iaitu *Hikayat Hang Tuah* cetakan kedua yang diselenggarakan oleh Kassim Ahmad pada tahun 1966 dan dicetak oleh Art Printing Works serta diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Hikayat ini berdasarkan naskhah tulisan tangan berhuruf Jawi yang merupakan kepunyaan al-marhum Tengku Ibrahim ibni al-marhum Tengku Muhammad (Tengku Seri Utama Raja) iaitu salah seorang kerabat diraja Kelantan. *Hikayat Hang Tuah* dipilih kerana ia menceritakan tentang ketokohan seorang pahlawan Melayu iaitu Hang Tuah dan juga kisah-kisah yang berlaku pada zaman Kesultanan Melayu Melaka yang penuh dengan kegemilangan pada zaman pemerintahannya. Namun begitu, kajian ini lebih memfokuskan kepada teknik retorik yang terdapat dalam *Hikayat Hang Tuah* dan pemikiran penulis dalam menggambarkan budaya orang Melayu. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan melibatkan keseluruhan bab yang terdapat dalam *Hikayat Hang Tuah* bagi membincangkan teknik retorik yang digunakan bagi menyampaikan pemikiran penulis dalam hikayat tersebut. Kajian ini dilakukan berdasarkan Teori Retorik Moden (1993) oleh Enos dan Brown dan Model Teras Hati Budi Melayu oleh Hashim Musa (2008) dalam menganalisis data kajian yang diperolehi.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengenal pasti dan membincangkan teknik retorik dalam *Hikayat Hang Tuah* berdasarkan Teori Retorik Moden (1993). Selain itu, kajian ini juga akan menganalisis pemikiran penulis dalam retorik penulisan *Hikayat Hang Tuah* yang menggambarkan budaya orang Melayu berlandaskan Teras Hati Budi Melayu oleh Hashim Musa (2008). Rasional memilih Teori Retorik Moden (1993) adalah kerana teori tersebut sangat sesuai digunakan bagi menjalankan kajian berkaitan teknik penulisan dan ia selari dengan bidang retorik yang merujuk kepada seni pemakaian bahasa yang menarik dalam penulisan atau percakapan. Pengaplikasian teori ini juga dapat memberikan pemahaman yang lebih terperinci melalui pembahagian teknik penulisan kepada beberapa bahagian seperti yang dinyatakan dalam Teori Retorik Moden (1993), di samping mengenal pasti, membincangkan dan menjelaskan teknik retorik yang terdapat dalam penulisan *Hikayat Hang Tuah*. Manakala Model Teras Hati Budi Melayu (2008) digunakan kerana bertepatan dengan budaya orang Melayu serta sesuai diaplikasikan untuk menganalisis pemikiran penulis *Hikayat Hang Tuah* yang menggambarkan budaya orang Melayu. *Hikayat Hang Tuah* dipilih sebagai bahan kajian kerana hikayat ini telah diterima oleh UNESCO's Memory of the World Programme International Register pada tahun 2001 sebagai salah satu sejarah warisan dunia. Di samping itu, hikayat ini juga merupakan sebuah hikayat yang menceritakan tentang seorang laksamana Melaka yang agung dan sejarah Kesultanan Melayu Melaka yang sangat gemilang pada satu masa dahulu yang boleh dijadikan sebagai contoh teladan kepada generasi sekarang mahupun generasi yang akan datang.

1.8 Kepentingan Kajian

i. Negara

Peristiwa-peristiwa yang tercatat dalam *Hikayat Hang Tuah* membuktikan bahawa Tanah Melayu terutamanya semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka merupakan sebuah kerajaan yang agung, hebat, kuat dan terkenal serta disegani oleh kerajaan-kerajaan lain. Kajian yang dilakukan terhadap hikayat ini dapat menjelaskan kepada khalayak tentang kehebatan kerajaan Melayu terdahulu supaya dapat menjadi salah satu kebanggaan dalam kalangan rakyat Malaysia. Dari segi pemerintahan pula, kerajaan Malaysia boleh mengambil iktibar daripada Kesultanan Melayu Melaka yang terkenal di seluruh pelosok benua dengan kebesaran rajanya, kehebatan tenteranya, kesopanan dalam menjalin dan menjaga hubungan diplomatik antara negara-negara besar. Faktor-faktor ini wajar dijadikan sebagai kaedah untuk menjamin kedudukan negara Malaysia agar lebih kukuh dan dipandang mulia oleh negara-negara luar. Kajian ini juga penting kepada negara dalam membentuk perpaduan kaum yang pelbagai di Malaysia. Hal ini demikian kerana, *Hikayat Hang Tuah* tidak menceritakan tentang orang Melayu semata-mata, tetapi hikayat tersebut juga menyatakan kehebatan dan kemuliaan kaum lain seperti kaum India dan Cina yang turut terlibat secara tidak langsung dalam membina sebuah kerajaan yang hebat.

ii. Masyarakat

Hikayat merupakan satu bahan bacaan yang berat, maka kajian ini dilakukan bagi menarik minat masyarakat untuk membacanya kerana bahasa yang digunakan sesuai untuk setiap lapisan masyarakat. Hal ini demikian kerana bahasa yang digunakan dalam penulisan hikayat adalah bahasa Melayu klasik dan penceritaan hikayat juga selalunya panjang serta meleret. *Hikayat Hang Tuah* juga menceritakan tentang riwayat hidup seorang tokoh Melayu yang hebat iaitu Hang Tuah. Berdasarkan masalah yang timbul iaitu kurangnya kajian dari aspek retorik dalam riwayat hidup seseorang, kajian ini dapat memberikan manfaat kepada masyarakat untuk mengetahui tentang riwayat hidup Hang Tuah. Dengan adanya kajian tentang *Hikayat Hang Tuah* ini, dapat merincikan hikayat dengan lebih mudah agar masyarakat dapat memahami dengan mudah tentang isi kandungan dan jalan cerita yang disampaikan. Seterusnya kajian tentang retorik dalam *Hikayat Hang Tuah* ini turut dapat memberikan satu ilmu pengetahuan yang baharu kepada masyarakat terutamanya masyarakat Melayu kerana hikayat ini menceritakan tentang seorang tokoh pahlawan Melayu yang terulung. Hasil daripada kajian ini, masyarakat bukan sahaja dapat mempelajari ilmu tentang retorik, malah membuktikan bahawa orang Melayu mempunyai budayanya yang tersendiri sekaligus dapat menafikan tuduhan sesetengah pihak yang menyatakan bahawa orang Melayu tidak bertamadun dan mundur. Akhir sekali, dapat memupuk perpaduan

kaum di Malaysia kerana dalam *Hikayat Hang Tuah* bukan sahaja memaparkan budaya orang Melayu, malah budaya masyarakat lain seperti Cina, India dan lain-lain turut diceritakan.

iii. Guru Bahasa Melayu

Bahasa yang digunakan dalam penulisan *Hikayat Hang Tuah* ialah bahasa Melayu Klasik. Bahasa Melayu Klasik merupakan bahasa Melayu lama yang sedikit berbeza dari segi ejaan, kosa kata dan istilah. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan dengan menggunakan bahasa Melayu yang diguna pakai pada hari ini dan boleh dijadikan sebagai sumber rujukan guru-guru bahasa Melayu khususnya untuk memberikan penjelasan dengan lebih mudah kepada para pelajar. Selain itu, melalui kajian ini juga, guru-guru bahasa Melayu dapat menjelaskan perbezaan tatabahasa yang digunakan dalam penulisan *Hikayat Hang Tuah* dengan tatabahasa Melayu sekarang.

iv. Penyelidik atau penulis

